

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JKE 417 – Ekonomi Perindustrian**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dari Bahagian A dan pilih **EMPAT** soalan sahaja dari Bahagian B. Tulis semua jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.

**BAHAGIAN A (20 markah)**

Soalan 1. Jawab **SEMUA** soalan. Tuliskan pilihan jawapan yang terbaik untuk setiap soalan pada buku jawapan.

1. Sebuah firma dikatakan mencapai saiz optimum apabila \_\_\_\_\_.
  - A. purata jumlah kos adalah pada paras minimum
  - B. kos marginal adalah pada paras minimum
  - C. kos marginal adalah sama dengan hasil marginal
  - D. firma itu memaksimumkan keuntungan
  
2. Manakah antara berikut yang menerangkan indeks tumpuan Hirschman-Herfindahl?
  - A. Bahagian pasaran setiap firma dalam industri.
  - B. Bahagian pasaran lima firma utama dalam industri.
  - C. Jumlah kuasa dua bahagian pasaran setiap firma dalam industri.
  - D. Bahagian pasaran setiap daripada lima firma utama di dalam industri termasuk import ke dalam industri.
  
3. Manakah antara pernyataan berikut yang menerangkan bentuk umum fungsi pengeluaran?
  - i. Ia adalah semata-mata hubungan teknologi antara kuantiti input dan kuantiti output.
  - ii. Ia menggambarkan teknologi sesebuah firma atau sektor ekonomi.
  - iii. Harga input atau output tidak termasuk ke dalam fungsi pengeluaran.
  - iv. Ia adalah satu konsep aliran menggambarkan transformasi input kepada output per unit masa.
  - A. i, ii dan iv
  - B. i dan ii
  - C. i dan iv
  - D. Semua tersebut di atas.
  
4. Apakah teori Weber yang menerangkan lokasi kilang pembuatan dari segi hasrat pemilik untuk mengurangkan dua kategori kos: buruh dan pengangkutan?
  - A. Deglomerasi.
  - B. Teori lokasi.
  - C. Teori kos yang paling kurang.
  - D. Teori jarak.

5. Manakah antara industri berikut yang harus ditempatkan di persekitaran bahan mentah?
- A. Basikal.
  - B. Televisyen.
  - C. Mesin jahit.
  - D. Besi keluli.
6. \_\_\_\_\_ produk sesebuah firma membawa kepada beberapa ciri-ciri unik yang menarik kepada pelanggan. Ini membawa kepada margin yang lebih tinggi dan keuntungan.
- A. Kepelbagaian
  - B. Reputasi
  - C. Inovasi
  - D. Pembezaan
7. Manakah antara kenyataan berikut yang **TIADA** kaitan dengan pengertian penswastaaan di Malaysia?
- A. Penerbitan atau penjualan saham syarikat milik kerajaan.
  - B. Skim usahasama antara syarikat yang kerajaan mempunyai kepentingan dengan pihak luar.
  - C. Meletakkan saham dengan pelabur-pelabur institusi.
  - D. Meningkatkan kecekapan profesionalisme kakitangan awam dan mengurangkan birokrasi.
8. Transformasi ekonomi Malaysia dalam pembangunan perindustrian telah melibatkan aspek-aspek \_\_\_\_\_.
- i. anjakan paradigma pertumbuhan sektoran dan global
  - ii. kepelbagaian sosio-budaya
  - iii. pola penggunaan sumber yang sedia ada
  - iv. penggunaan modal dan teknologi
- A. i dan ii
  - B. ii dan iv
  - C. i, ii dan iii
  - D. i, iii dan iv
9. Faktor sekunder dalam teori letakan Weber lebih menumpukan kepada \_\_\_\_\_.
- A. faktor kewilayahan yang mempengaruhi letakan industri
  - B. penyebaran kepada letakan perindustrian yang asal
  - C. kos pengangkutan yang minimum antara dua lokasi
  - D. pusat sumber bahan dan pusat penggunaan

10. Manakah berikut **BUKAN** faktor yang mempengaruhi perubahan peletakan industri?
- A. Perubahan bermusim.
  - B. Perubahan persekitaran.
  - C. Perubahan sekular.
  - D. Perubahan infrastruktur.
11. Firma A mengeluarkan barang akhir dan telah bergabung dengan firma B yang mengeluarkan barang mentah. Kombinasi ini dikenali sebagai \_\_\_\_\_.
- A. kombinasi mendatar
  - B. kombinasi menegak
  - C. kombinasi lateral
  - D. kombinasi selari
12. Dalam pasaran bersifat oligopolistik, harga yang ditetapkan berdasarkan pakatan adalah \_\_\_\_\_.
- A. lebih tinggi daripada kos sut
  - B. lebih rendah daripada kos sut
  - C. sama dengan kos sut
  - D. sama dengan kos purata
13. Keuntungan maksimum firma monopoli diperolehi dengan \_\_\_\_\_.
- A. menjadikan kos sut sama dengan hasil sut
  - B. memperolehi keuntungan yang lebih normal
  - C. menyamakan kos sut dengan harga
  - D. mengurangkan output
14. Sebuah firma dalam industri persaingan sempurna menetapkan \_\_\_\_\_.
- A. harga dan kuantiti output yang hendak dikeluarkan
  - B. pengiklanan dan kuantiti output yang hendak dikeluarkan
  - C. kuantiti output yang hendak dikeluarkan tetapi tidak harga output
  - D. harga output tetapi bukan kuantiti output
15. Halangan kemasukan firma baru atau syarat kemasukan ke dalam industri berkait dengan \_\_\_\_\_.
- A. harga input dan harga batasan
  - B. harga batasan dan harga persaingan
  - C. harga batasan dan harga output
  - D. harga persaingan dan kecekapan pasaran

16. Manakah aturan proses pembangunan ekonomi yang menjadi model ikutan Malaysia?
- A. Industri gantian import – Industri berorientasikan eksport – Industri berat
  - B. Pembangunan pertanian – Industri berorientasikan eksport – Industri gantian import
  - C. Industri gantian import – Industri berorientasikan eksport – Industri pertanian moden
  - D. Industri pertanian – Industri gantian import – Industri berat
17. Ciri paling ketara pasaran oligopoli ialah \_\_\_\_\_.
- A. firma menjadi penerima harga
  - B. firma perlu mengambil kira tindak balas firma lain jika ia ingin mengubah harga
  - C. firma menjadikan matlamat utama untuk memaksimumkan output dan memaksimumkan keuntungan
  - D. firma berupaya meningkatkan kecekapan penggunaan sumber-sumber pengeluaran yang terhad
18. Manakah antara faktor berikut yang **BUKAN** sebab mengapa firma oligopoli menyelaraskan harga di kalangan mereka?
- A. Mengurangkan ketidakpastian perlakuan persaingan.
  - B. Mengurangkan persaingan penggunaan teknologi baru dan kos pengeluaran.
  - C. Mengurangkan jumlah dan kesan persaingan.
  - D. Menghalang kemasukan firma baru dan menggalakkan keuntungan jangka panjang.
19. Ekonomi teknikal dalam konteks perbincangan ekonomi bidangan (*economies of scale*) adalah meliputi yang berikut **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. pengkhususan dan pembahagian kerja
  - B. '*Economies of scope*'
  - C. ekonomi mesin besar
  - D. ekonomi pempiawaan
20. Isu-isu utama dalam membincangkan strategi pembangunan perindustrian negara adalah seperti berikut **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. pengeluaran secara kecil-kecilan atau besar-besaran
  - B. berintensifkan modal atau intensif buruh
  - C. penggantian import atau penggalakkan eksport
  - D. syarikat multinasional atau syarikat industri kecil dan sederhana (IKS)

**BAHAGIAN B (80 markah)**

Pilih dan jawab mana-mana **EMPAT** soalan sahaja.

2. Bincangkan isu dan strategi pembangunan perindustrian di negara sedang membangun dalam konteks perbandingan seperti berikut:

- (a) perindustrian atau pertanian
- (b) industri kecil (industri desa atau IKS) atau industri berskala besar
- (c) berintensifkan buruh atau berintensifkan modal
- (d) penggantian import atau penggalakkan eksport

(20 markah)

3. Bincangkan hubungan struktur, gelagat dan prestasi firma dalam satu industri pilihan.

(20 markah)

4. Gelagat atau perlakuan pasaran merujuk kepada amalan, dasar atau perlakuan pihak firma dalam penentuan harga atau kuantiti jualan, kos pengiklanan dan sebagainya. Bandingkan struktur pasaran dan gelagat firma dalam pasaran berikut:

- (a) pasaran persaingan sempurna
- (b) pasaran monopoli
- (c) pasaran oligopoli

(20 markah)

5. Mengikut Teori Peminimuman Kos Pengangkutan Weber, penempatan sesuatu industri adalah berkait rapat dengan 'sumber bahan' dan juga 'pusat pengguna atau pasaran'. Huraikan teori ini beserta rajah yang bersesuaian.

(20 markah)

6. Sesebuah perusahaan perkilangan memerlukan dua jenis sumber pembiayaan: jangka panjang untuk membeli tanah, bangunan dan aset tetap lain. Manakala pembiayaan jangka pendek pula, seperti untuk membeli bahan mentah dan bayaran perkhidmatan buruh. Bincangkan **LIMA** (5) contoh sumber pembiayaan tersebut beserta kebaikan dan kelemahannya.

(20 markah)

7. Ekonomi Malaysia telah merentasi zamannya dan telah mengalami transformasi ekonomi yang hebat. Antara langkah dasar penting dan berani yang diambil oleh kerajaan untuk membangunkan sektor perindustrian di Malaysia ialah dasar penswastaaan dan galakan masuk pelaburan asing melalui syarikat multinasional (MNC).
- (a) Terangkan secara ringkas objektif penswastaaan di Malaysia. Apakah kesan dan manfaat serta isu yang timbul daripada dasar penswastaaan tersebut?  
(10 markah)
- (b) Bincangkan peranan baik dan buruk serta implikasi jangka panjang pergantungan kepada pelaburan langsung asing (*FDI*) dan MNC tersebut di Malaysia.  
(10 markah)